

SULIT

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

NAMA: .....

TINGKATAN: .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK

---

MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023  
SET 1

---

PRINSIP PERAKAUNAN  
KERTAS 1  
1 JAM 15 MINIT

---

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

**ARAHAN:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan.*
3. *Jawab semua soalan dalam kertas objektif yang disediakan.*
4. *Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*


---

Kertas ini mengandungi 19 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

3756/1

- 1 Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah P dan Q?

- |   |                   |                       |
|---|-------------------|-----------------------|
| A | P - Lejar         | Q - Penyata Kewangan  |
| B | P - Dokumen       | Q - Catatan Penutupan |
| C | P - Imbangan Duga | Q - Catatan Penutupan |
| D | P - Pelarasan     | Q - Penyata Kewangan  |
- 2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Zaid Enterprise.

Kerani kewangan telah menggunakan kaedah baki berkurangan bagi mengira susut nilai perabot pada tahun 2022 dan tahun seterusnya.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh Perniagaan Zaid Enterprise?

- A Ketekalan  
 B Prinsip kos  
 C Entiti berasingan  
 D Tempoh perakaunan
- 3 Manakah kumpulan berikut merupakan butir bagi liabiliti semasa?
- A Komisen belum terperoleh, Akaun belum bayar, Overdrafbank  
 B Komisen belum terima, Akaun belum terima, Insurans prabayar  
 C Komisen belum terperoleh, Akaun belum bayar, Inventori akhir  
 D Insurans prabayar, Akaun belum bayar, Yuran belum terima
- 4 Antara berikut, yang manakah hasil operasi Perniagaan Perkhidmatan Dobi Thaharah?
- I Diskaun diterima  
 II Hasil perkhidmatan dobi  
 III Jualan cecair pencuci pakaian  
 IV Untung daripada jualan mesin basuh terpakai
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan Perniagaan Damin.

Encik Damin membeli barang niaga secara kredit daripada Encik Ashraf.

Aliran dokumen manakah yang betul bagi urus niaga di atas?

- A Cek → Invois → Pesanan Belian → Resit
  - B Pesanan Belian → Invois → Cek → Resit
  - C Invois → Pesanan Belian → Bil tunai → Resit
  - D Slip Pindahan Wang → Pesanan Belian → Invois → Resit
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam invois.

Diskaun tunai:  
10% 7 hari, 5% 10 hari

Encik Faiz telah menerima invois berjumlah RM3 600 pada 15 Mac 2023. Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Faiz sekiranya beliau membuat pembayaran pada 22 Mac 2023?

- A RM3 060
- B RM3 240
- C RM3 420
- D RM3 600

7 **Dokumen 1**, diterima oleh Encik Darwisy, seorang kerani akaun.

|  |
|--|
| <p><b>Memo</b><br/> <b>Kedai Komputer Al Furqan</b></p> <p>Tarikh: 20 Ogos 2023</p> <p>Peringatan: Pemilik (Furqan) telah mengeluarkan sebuah komputer bernilai RM2 500 untuk kegunaan perniagaan beliau.<br/> (Ringggit Malaysia: Dua ribu lima ratus sahaja)</p> <p style="text-align: right;"><i>Furqan</i><br/> Pengurus</p> |
|--|

**Dokumen 1**

Manakah cara perekodan urus niaga yang tepat bagi **Dokumen 1**?

|          | Butir                 | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|----------|-----------------------|------------|-------------|
| <b>A</b> | Ambilan Belian        | 2 500      | 2 500       |
| <b>B</b> | Ambilan Modal         | 2 500      | 2 500       |
| <b>C</b> | Alatan pejabat Modal  | 2 500      | 2 500       |
| <b>D</b> | Alatan pejabat Belian | 2 500      | 2 500       |

8 Penyataan di bawah berkaitan dengan Kedai Buku Sukses Jaya.

*Kedai Buku Sukses Jaya telah mengeluarkan 3 buah buku Latih Tubi Prinsip Perakaunan SPM dan diserahkan kepada ketua panitia untuk promosi jualan.*

Apakah catatan bergu yang terlibat bagi urus niaga Kedai Buku Sukses Jaya?

|          | Debit   | Kredit    |
|----------|---------|-----------|
| <b>A</b> | Ambilan | Belian    |
| <b>B</b> | Promosi | Belian    |
| <b>C</b> | Ambilan | Inventori |
| <b>D</b> | Promosi | Inventori |

9 Urus niaga berikut diambil dari Kedai Perabot Husna pada 3 Jun 2023.

**Pemilik telah menjual perabot secara kredit RM3 600 kepada Kedai Puspa.**

Apakah catatan lejar untuk urus niaga di atas?

**A** Dt Akaun Perabot Kt

|       |             |       |  |  |  |
|-------|-------------|-------|--|--|--|
| 2023  |             | RM    |  |  |  |
| Jun 3 | Kedai Puspa | 3 600 |  |  |  |

Dt Akaun Kedai Puspa Kt

|  |  |  |       |         |       |
|--|--|--|-------|---------|-------|
|  |  |  | 2023  |         | RM    |
|  |  |  | Jun 3 | Perabot | 3 600 |

**B** Dt Akaun Kedai Puspa Kt

|       |         |       |  |  |  |
|-------|---------|-------|--|--|--|
| 2023  |         | RM    |  |  |  |
| Jun 3 | Perabot | 3 600 |  |  |  |

Dt Akaun Perabot Kt

|  |  |  |       |             |       |
|--|--|--|-------|-------------|-------|
|  |  |  | 2023  |             | RM    |
|  |  |  | Jun 3 | Kedai Puspa | 3 600 |

**C** Dt Akaun Kedai Puspa Kt

|       |        |       |  |  |  |
|-------|--------|-------|--|--|--|
| 2023  |        | RM    |  |  |  |
| Jun 3 | Jualan | 3 600 |  |  |  |

Dt Akaun Jualan Kt

|  |  |  |       |             |       |
|--|--|--|-------|-------------|-------|
|  |  |  | 2023  |             | RM    |
|  |  |  | Jun 3 | Kedai Puspa | 3 600 |

**D** Dt Akaun Jualan Kt

|       |             |       |  |  |  |
|-------|-------------|-------|--|--|--|
| 2023  |             | RM    |  |  |  |
| Jun 3 | Kedai Puspa | 3 600 |  |  |  |

Dt Akaun Kedai Puspa Kt

|  |  |  |       |             |       |
|--|--|--|-------|-------------|-------|
|  |  |  | 2023  |             | RM    |
|  |  |  | Jun 3 | Kedai Puspa | 3 600 |

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

10 Berikut ialah Buku Tunai yang diambil dari Kedai Firash.

| Buku Tunai |       |     |       |      |        |                  |     |       |       |
|------------|-------|-----|-------|------|--------|------------------|-----|-------|-------|
| 2023       | Butir | Dis | Tunai | Bank | 2023   | Butir            | Dis | Tunai | Bank  |
|            |       |     |       |      | Mei 17 | Hasif Enterprise | 150 |       | 4 500 |

Antara berikut, yang manakah benar tentang urus niaga di atas?

- A Terima cek daripada Hasif Enterprise RM4 500 dan terima diskaun RM150
- B Terima cek daripada Hasif Enterprise RM4 500 dan beri diskaun RM150
- C Bayar cek kepada Hasif Enterprise RM4 500 dan beri diskaun RM150
- D Bayar cek kepada Hasif Enterprise RM4 500 dan terima diskaun RM150

11 Maklumat berikut diperolehi dari Kedai Nadh.

#### Jurnal Jualan

| Tarikh | Butir               | Jumlah |
|--------|---------------------|--------|
| 2023   |                     | RM     |
| Jul 10 | Store Arman         | 1 500  |
| 22     | Markonah Enterprise | 900    |
| 31     | Akaun Jualan        | 2 400  |

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Jualan?

**A**

| Dt | Akaun Jualan        | Kt    |
|----|---------------------|-------|
|    | 2023                | RM    |
|    | Jul 31 Store Arman  | 1 500 |
|    | Markonah Enterprise | 900   |

**B**

| Dt | Akaun Jualan              | Kt    |
|----|---------------------------|-------|
|    | 2023                      | RM    |
|    | Jul 31 Akaun Belum Terima | 2 400 |

**C**

| Dt                        | Akaun Jualan | Kt |
|---------------------------|--------------|----|
| 2023                      | RM           |    |
| Jul 31 Akaun Belum Terima | 2 400        |    |

**D**

| Dt                  | Akaun Jualan | Kt |
|---------------------|--------------|----|
| 2023                | RM           |    |
| Jul 31 Store Arman  | 1 500        |    |
| Markonah Enterprise | 900          |    |

- 12 Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Runcit Yan.

| Akaun Kawalan Belum Terima |          |        |         |               |            |
|----------------------------|----------|--------|---------|---------------|------------|
| 2023                       |          | RM     | 2023    | RM            |            |
| Sept 1                     | Baki b/b | 12 680 | Sept 30 | Bank          | 8 690      |
|                            |          |        |         | <b>Kontra</b> | <b>560</b> |

| Akaun Kawalan Belum Bayar |               |            |        |          |       |
|---------------------------|---------------|------------|--------|----------|-------|
| 2023                      |               | RM         | 2023   | RM       |       |
| Sept 30                   | Bank          | 5 000      | Sept 1 | Baki b/b | 7 100 |
|                           | <b>Kontra</b> | <b>560</b> |        |          |       |

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan kontra di kedua-dua Akaun Kawalan?

- A Kedai Runcit Yan menjual kepada pelanggan
- B Kedai Runcit Yan membeli daripada pembekal
- C Kedai Runcit Yan menjual dan membeli secara tunai daripada peniaga yang sama
- D Kedai Runcit Yan menjual dan membeli secara kredit daripada peniaga yang sama

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

13 Petikan Imbangan Duga manakah yang menunjukkan catatan yang betul?

**A** Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

| Butir          | Debit | Kredit |
|----------------|-------|--------|
|                | RM    | RM     |
| Pulangan Masuk |       | 600    |
| Ambilan        |       | 800    |
| Modal          | 8 800 |        |

**B** Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

| Butir          | Debit | Kredit |
|----------------|-------|--------|
|                | RM    | RM     |
| Pulangan Masuk |       | 600    |
| Ambilan        | 800   |        |
| Modal          |       | 8 800  |

**C** Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

| Butir          | Debit | Kredit |
|----------------|-------|--------|
|                | RM    | RM     |
| Pulangan Masuk | 600   |        |
| Ambilan        |       | 800    |
| Modal          | 8 800 |        |

**D** Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

| Butir          | Debit | Kredit |
|----------------|-------|--------|
|                | RM    | RM     |
| Pulangan Masuk | 600   |        |
| Ambilan        | 800   |        |
| Modal          |       | 8 800  |



14 Petikan Imbangan Duga berikut diambil dari HaHa Trading pada 31 Ogos 2023.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

|                       | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|-----------------------|------------|-------------|
| Hutang lapuk terpulih |            | 480         |
| Diskaun               | 800        | 640         |
| Faedah atas pinjaman  | 1 440      |             |

Catatan manakah yang betul dalam Akaun Untung Rugi?

- A** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023
- |                       | RM  |                      | RM    |
|-----------------------|-----|----------------------|-------|
| Hutang lapuk terpulih | 480 | Diskaun diberi       | 640   |
| Diskaun diterima      | 800 | Faedah atas pinjaman | 1 440 |
- B** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023
- |                       | RM  |                      | RM    |
|-----------------------|-----|----------------------|-------|
| Hutang lapuk terpulih | 480 | Diskaun diterima     | 800   |
| Diskaun diberi        | 640 | Faedah atas pinjaman | 1 440 |
- C** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023
- |                      | RM    |                       | RM  |
|----------------------|-------|-----------------------|-----|
| Faedah atas pinjaman | 1 440 | Diskaun diterima      | 640 |
| Diskaun diberi       | 800   | Hutang lapuk terpulih | 480 |
- D** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023
- |                      | RM    |                       | RM  |
|----------------------|-------|-----------------------|-----|
| Faedah atas pinjaman | 1 440 | Diskaun diberi        | 800 |
| Diskaun diterima     | 640   | Hutang lapuk terpulih | 480 |

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

15 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Din Trading.

|                       | 1 Januari 2022 | 31 Disember 2022 |
|-----------------------|----------------|------------------|
|                       | RM             | RM               |
| Sewa belum terima     | 150            | 350              |
| Sewa belum terperoleh | 300            | 550              |

Maklumat tambahan:

Sewa diterima berjumlah RM1 550 dengan cek pada 24 Disember 2022.

Berapakah sewa yang sepatutnya diterima pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022?

- A RM1 500
- B RM1 600
- C RM1 900
- D RM2 000

16 Berikut ialah maklumat yang diambil daripada Imbangan Duga Pak Long Enterprise pada 31 Mei 2023.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2023

|                        | Debit<br>(RM) | Kredit<br>(RM) |
|------------------------|---------------|----------------|
| Akaun Belum Terima     | 15 800        |                |
| Hutang lapuk           | 1 430         |                |
| Peruntukan hutang ragu |               | 380            |

Maklumat tambahan:

- i. Seorang pelanggan didapati mufliis dan hutangnya sebanyak RM1 650 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.

Apakah kesan terhadap hasil dan belanja perniagaan?

- A Hasil bertambah RM97
- B Hasil bertambah RM283
- C Belanja bertambah RM97
- D Belanja bertambah RM283

17 Ujang Bhd. membeli sebuah van bernilai RM55 000. Penggunaan van dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM7 500.

Berapakah susut nilai tahunan van tersebut?

- A RM2 000
- B RM4 750
- C RM5 500
- D RM6 250

18 Maklumat berikut berkaitan dengan Yoon Enterprise.

Pada 1 Januari 2022, Yoon Enterprise membeli sebuah mesin berharga RM50 000. Mesin tersebut disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Mesin itu kemudiannya dijual dengan harga RM40 000 pada 30 Jun 2023.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan yang diperoleh oleh Yoon Enterprise?

- A Untung atas pelupusan RM5 000
- B Untung atas pelupusan RM2 500
- C Rugi atas pelupusan RM5 000
- D Rugi atas pelupusan RM2 500

19 Wawa Trading membekalkan maklumat berikut:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

|           | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|-----------|------------|-------------|
| Kenderaan | 55 500     |             |
| Sewa      |            | 925         |

Maklumat tambahan:

- i. Sewa diterima sebulan ialah RM195.
- ii. Kenderaan disusut nilai pada kadar 20% setahun atas kos.

Catatan manakah yang betul dalam Imbangan Duga Terselaras?

**A** Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

| Butir                 | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
|-----------------------|-------------|--------------|
| Kenderaan             | 55 500      |              |
| Susut nilai kenderaan |             | 11 100       |
| Sewa                  |             | 2 340        |

**B** Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

| Butir                 | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
|-----------------------|-------------|--------------|
| Kenderaan             | 55 500      |              |
| Susut nilai kenderaan |             | 11 100       |
| Sewa                  |             | 1 415        |

**C** Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

| Butir                 | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
|-----------------------|-------------|--------------|
| Kenderaan             | 55 500      |              |
| Susut nilai kenderaan | 11 100      |              |
| Sewa                  |             | 2 340        |

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

## D Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

| Butir                 | Debit<br>RM | Kredit<br>RM |
|-----------------------|-------------|--------------|
| Kenderaan             | 55 500      |              |
| Susut nilai kenderaan | 11 100      |              |
| Sewa                  |             | 1 415        |

20 Berikut ialah keratan cek Perniagaan Honey.

|            |               |        |
|------------|---------------|--------|
| Tarikh:    | 15 Julai 2023 |        |
| Penerima:  | TNB Berhad    |        |
| Untuk:     | Bil Elektrik  |        |
|            | Ringgt        | Sen    |
| Baki akhir | 13 500        | 00     |
| Deposit    | 0             | 00     |
| Jumlah     | 13 500        | 00     |
| Cek ini    | 801           | 00     |
| Baki       | 12 699        | 00     |
| BIMB       |               | 243115 |

Kerani akaun telah merekod kadar bayaran RM810 dalam Buku Tunai. Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

- A Kesilapan Amaun
- B Kesilapan Komisen
- C Kesilapan Songsang
- D Kesilapan Ketinggalan

21 Berikut ialah maklumat yang diambil daripada penyata kewangan Faridah Enterprise pada 31 Julai 2023.

|                  | RM     |
|------------------|--------|
| Inventori purata | 11 090 |
| Untung kasar     | 24 500 |
| Jualan Bersih    | 60 800 |

Berapakah hari yang diperlukan oleh Perniagaan Faridah Enterprise untuk membeli inventori baharu pada tahun 2023?

- A 100 hari
- B 112 hari
- C 116 hari
- D 124 hari

22 Antara berikut, pernyataan manakah yang berkaitan dengan Margin Untung Bersih?

- I Mengukur keupayaan perniagaan membayar hutang
- II Menunjukkan kecekapan perniagaan menguruskan kos operasi
- III Menunjukkan hubungan antara Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa
- IV Menghitung Untung Bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit Jualan Bersih

- A I dan II
- B II dan IV
- C I dan III
- D III dan IV

23 Pilih item yang digunakan untuk menghitung modal akhir.

- I Ambilan
- II Kenderaan
- III Ekuiti Pemilik
- IV Akaun Belum Bayar

- A I dan II
- B II dan IV
- C I dan III
- D III dan IV

24 Berikut ialah butiran yang diambil daripada perniagaan Butik Elisa pada 30 April 2023.

|   | <b>RM</b> |
|---|-----------|
| Baki Akaun Kawalan Belum Terima pada 1 Mei 2022               | 35 500    |
| Penerimaan daripada Akaun Belum Terima sehingga 30 April 2023 | 88 880    |
| Baki Akaun Kawalan Belum Terima pada 30 April 2023            | 15 000    |

**Maklumat Tambahan:**

Jualan tunai hingga 30 April 2023 ialah RM37 800.

Berapakah jualan perniagaan Butik Elisa pada 30 April 2023?

- A RM141 680
- B RM106 180
- C RM103 880
- D RM91 180

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 25 Perniagaan Pak Ali Western mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan penyata kewangan perniagaannya. Berikut ialah maklumat perniagaan beliau pada 31 Mac 2023.

|                     | 1 April 2022 | 31 Mac 2023 |
|---------------------|--------------|-------------|
|                     | RM           | RM          |
| Utiliti Belum Bayar | 745          | -           |
| Utiliti Prabayar    | -            | 1 200       |

**Maklumat tambahan:**

- i. Bil-bil utiliti sebanyak RM5 000 telah dibayar sehingga 31 Mac 2023 menggunakan cek.

Apakah catatan bagi belanja utiliti dalam Penyata Pendapatan pada 31 Mac 2023?

**A**

| Penyata Pendapatan |         |
|--------------------|---------|
| <u>Belanja</u>     |         |
| Utiliti            | RM3 055 |

**B**

| Penyata Pendapatan |         |
|--------------------|---------|
| <u>Belanja</u>     |         |
| Utiliti            | RM4 545 |

**C**

| Penyata Pendapatan |         |
|--------------------|---------|
| <u>Belanja</u>     |         |
| Utiliti            | RM5 000 |

**D**

| Penyata Pendapatan |         |
|--------------------|---------|
| <u>Belanja</u>     |         |
| Utiliti            | RM6 945 |

- 26 Manakah antara berikut merupakan sebab perniagaan memerlukan penyata bank sebagai dokumen bukan sumber?

- I Mengetahui anggaran penerimaan dan pembayaran tunai melalui akaun bank pada setiap akhir bulan
- II Mengetahui baki hutang perniagaan dengan pihak bank
- III Mengetahui jumlah baki tunai perniagaan dalam bank pada setiap bulan
- IV Menyediakan penyata penyesuaian bank apabila baki tunai di buku tunai tidak sama dengan baki tunai dalam bank

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27 Baki buku tunai ruangan bank Butik Laila berbeza dengan baki penyata bank perniagaan tersebut pada 30 Jun 2023. Manakah situasi berikut menunjukkan sebab berlakunya keadaan di atas?

- A Cek yang dikeluarkan oleh Butik Laila bagi bayaran hutang kepada Pereka Fesyen Diana telah didebitkan dalam akaun bank perniagaan
- B Cek yang diterima daripada Puan Rosmah bagi tempahan kurung moden dipulangkan semula oleh pihak bank
- C Penerimaan faedah atas overdraf oleh pihak bank bagi pihak Butik Laila tidak direkod dalam buku tunai perniagaan
- D Caj buku bank telah direkod dalam ruangan debit buku tunai

28 Buku tunai ruangan bank Pasar Segar Melati pada 31 Mei 2023 menunjukkan baki debit RM1 029. Jumlah cek yang telah dikeluarkan tetapi masih belum dikemukakan ialah RM2 000.

Berikut ialah butiran yang telah dikreditkan dan didebitkan dalam penyata bank tapi masih belum direkodkan dalam buku tunai perniagaan.

|                        | RM  |
|------------------------|-----|
| Dividen - Megah Berhad | 500 |
| Arahan Tetap - Sewa    | 850 |

Berapakah baki di penyata bank setelah buku tunai perniagaan dikemas kini?

- A Baki debit RM1 350
- B Baki debit RM1 321
- C Baki kredit RM1 679
- D Baki kredit RM2 679

29 Antara berikut, butiran manakah perlu ditolak daripada untung bersih perniagaan semasa menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi perniagaan perkongsian?

- A Faedah atas modal pekongsi
- B Faedah atas ambilan pekongsi
- C Faedah atas pinjaman pekongsi
- D Faedah atas simpanan pekongsi

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

30 Perkongsian Ikin & Lam telah ditubuhkan pada 1 April 2022. Setiap pekongsi telah menyumbangkan sebanyak RM60 000 setiap seorang.

Pada 1 Jun 2022, Ikin telah menyumbangkan RM5 000 sebagai modal tambahan ke dalam perniagaan.

Berapakah jumlah modal pekongsi Ikin mengikut kaedah modal tetap?

- A RM55 000
- B RM60 000
- C RM65 000
- D RM120 000

31 Antara berikut, yang manakah merupakan sebab pembubaran perkongsian?

- I Persetujuan bersama antara pekongsi
  - II Salah seorang pekongsi sakit berpanjangan
  - III Pekongsi mendapat kerugian daripada perkongsian
  - IV Mahkamah memerintahkan perkongsian itu dibubarkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32 Akaun Realisasi berikut diperolehi daripada buku sebuah perniagaan.

| Dt | Akaun Realisasi | Kt          |
|----|-----------------|-------------|
|    | Bank            | RM<br>2 000 |

Urus niaga manakah yang menunjukkan catatan di atas?

- A Perolehan terhasil daripada penjualan alatan pejabat
- B Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
- C Pembahagian untung rugi antara pekongsi
- D Pembayaran belanja realisasi



33 Apakah catatan lejar yang betul bagi merekod penerimaan wang daripada terbitan syer biasa?

A Dt Akaun Permohonan Syer Biasa  
Kt Akaun Bank

B Dt Akaun Bank  
Kt Akaun Modal Syer Biasa

C Dt Akaun Bank  
Kt Akaun Permohonan Syer Biasa

D Dt Akaun Modal Syer Biasa  
Kt Akaun Bank

34 Amna telah membeli 10 000 unit 5% syer keutamaan dengan nilai tara RM1 sesyer pada 1 Ogos 2022 daripada Syarikat Jalinan Mercu Berhad. Syarikat telah membayar dividen interim 3% pada 1 Februari 2023. Pada 31 Julai 2023, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen akhir.

Berapakah dividen akhir yang diterima oleh Amna?

- A RM200
- B RM300
- C RM500
- D RM800

35 Apakah tujuan Akaun Penerimaan dan Pembayaran disediakan?

- A Mengetahui penerimaan dan pembayaran modal
- B Menghitung baki akhir bank
- C Menilai penerimaan dan pembayaran hasil
- D Menentukan yuran ahli belum terima dan belum terperoleh

- 36 Kelab Badminton Rashid Sidikun mengusahakan kafeteria untuk menambahkan dana. Data di bawah diperoleh daripada buku perniagaan kelab tersebut.

|                                      | RM     |
|--------------------------------------|--------|
| Jualan Kafeteria                     | 31 530 |
| Belian Kafeteria                     | 14 610 |
| Inventori Kafeteria 1 Januari 2022   | 6 390  |
| Inventori Kafeteria 31 Disember 2022 | 15 750 |

Berapakah untung kafeteria?

- A RM10 530  
 B RM16 920  
 C RM26 280  
 D RM32 670
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Sukan Merdeka.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022

| Aset Semasa | Liabiliti Semasa |
|-------------|------------------|
| P           | Q                |

Apakah P dan Q?

|   | P                          | Q                           |
|---|----------------------------|-----------------------------|
| A | Yuran belum terima         | Kadar bayaran belum bayar   |
| B | Akaun belum bayar restoran | Inventori minuman           |
| C | Deposit sewa diterima      | Akaun belum terima restoran |
| D | Insurans belum bayar       | Bank                        |

- 38 Margin caruman seunit ialah ...


- A lebihan harga jualan seunit daripada kos tetap  
 B lebihan kos tetap daripada harga jualan seunit  
 C lebihan harga jualan seunit daripada kos berubah seunit  
 D lebihan kos berubah seunit daripada harga jualan seunit

- 39 Maklumat berikut diambil dari Kilang Kasut Sukan Aaron yang menunjukkan kos pengeluaran bagi 100 pasang kasut berjenama PRKFC.

|                    |        |
|--------------------|--------|
|                    | RM     |
| Kos tetap          | 16 500 |
| Kos berubah seunit | 80     |

Pihak pengurusan kilang telah bersetuju untuk menjual sepasang kasut dengan harga RM100. Jika pemilik kilang ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM9 000, berapakah pasang kasut sukan yang perlu dikeluarkan?

- A 570 pasang  
 B 825 pasang  
 C 1 040 pasang  
 D 1 275 pasang
- 40 Rajah di bawah menunjukkan Graf Titik Pulang Modal (TPM) sebuah perniagaan.



Sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya dilaksanakan semula, garisan manakah menunjukkan kos yang perlu ditanggung oleh perniagaan setiap bulan?

- A P  
 B Q  
 C R  
 D S

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**